

Rujukan Kami : **KJT/PEKELILING/Jld.3/05/16/(19)**
Tarikh : **13 Mei 2016**

Kepada,
Semua Anggota,
Koperasi Jurukur Tanah Berlesen Berhad (KOJUTA).

TAWARAN MENYERTAI IBADAH QURBAN 2016 ANJURAN KOPERASI JURUKUR TANAH BERLESEN BERHAD (KOJUTA) BERSAMA CAMBODIAN MUSLIM COOPERATIVES (CMC)

Suka kami menarik perhatian semua anggota mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Koperasi Jurukur Tanah Berlesen Berhad (KOJUTA) dengan kerjasama Cambodian Muslim Cooperatives (CMC) akan menganjurkan Program Ibadah Qurban 2016 pada musim Haji tahun ini.
3. Sepertimana pada program tahun lepas , tujuan program diadakan adalah bertujuan berkongsi merasai nikmat Allah S.W.T dengan masyarakat Islam di Kemboja yang rata-ratanya kurang bernasib baik , miskin dan daif disamping membantu membangunkan ekonomi mereka.
4. Kadar bayaran bagi satu bahagian Qurban adalah **RM345.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Empat Puluh Lima Sahaja).**
5. Oleh yang demikian , anggota-anggota yang berminat untuk menyertai Program Ibadah Qurban 2016 ini **bolehlah** menyempurnakan Borang Penyertaan Ibadah Qurban 2016 yang disertakan.
6. **Borang Penyertaan Ibadah Qurban 2016** hendaklah dikembalikan bersama **CEK (mengikut jumlah bahagian Qurban)** atas nama **KOPERASI JURUKUR TANAH BERLESEN BERHAD** sebelum atau pada hari **Jumaat bersamaan 29 Julai 2016.**